

31 DEC 1996

PRESIDEN IRAN HANTAR PERUTUSAN TAKZIAH

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Presiden Iran Aliakhbar Hashemi Rafsanjani hari ini mengutus ucapan takziah kepada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar kerana tragedi ribut tropika Greg di Sabah yang setakat ini mengorbankan 170 orang.

Dalam perutusannya, Presiden Aliakhbar berkata semua rakyat Iran bersimpati dengan keluarga mangsa kejadian itu dan berharap mereka dapat bersabar menghadapinya.

Beliau turut menghantar perutusan serupa kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

MS NAK